

NO SOALAN :63**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
(KUALA KRAI)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 03.04.2018**

Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan segala kesilapan yang telah dilakukan oleh 1MDB seperti yang beliau telah akui.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kegagalan yang dimaksudkan oleh YAB Menteri Kewangan adalah sepertimana yang telah diperincikan di dalam laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengenai Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1Malaysia Development Bhd (Laporan PAC) seperti kelemahan tadbir urus, kelemahan model perniagaan dan ketidaksesuaian model pembiayaan syarikat yang mengutamakan penggunaan hutang. Di

samping itu, 1MDB juga menghadapi isu ketidakseimbangan aliran tunai apabila penyenaraian saham (*initial public offering* atau *IPO*, dengan izin) syarikat Edra Bhd tidak dapat dilaksanakan.

Justeru itu, Kerajaan telah mengarahkan siasatan secara besar-besaran dijalankan dan pada masa yang sama turut melaksanakan rasionalisasi serta penambahbaikan terhadap 1MDB.